NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 64
Bil. 11

**26hb Mei 2011**

*TAMBAHAN No. 1*
*ENAKMEN*

Enakmen-enakmen yang berikut telah diluluskan oleh Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 15 April 2011 dan telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 4 Mei 2011 disiarkan untuk pengetahuan umum:

The following Enactments passed by the State Legislative Assembly of Perak Darul Ridzuan on 15 April 2011 and assented to by His Royal Highness the Sultan of Perak on 4 May 2011 are published for general information:

| No. | Tajuk Ringkas/Short Title |
|---|---|
| Enakmen A23 | Enakmen Mentri Besar, Perak (Pemerbadanan) (Pindaan) 2011 |
| Enactment A23 | Mentri Besar, Perak (Incorporation)(Amendment) Enactment 2011 |
| Enakmen A24 | Enakmen Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Pindaan) 2011 |
| Enactment A24 | Perak Agricultural Development Corporation (Amendment) Enactment 2011 |

# UNDANG-UNDANG
# NEGERI PERAK

## ENAKMEN A24

## ENAKMEN PERBADANAN PEMBANGUNAN PERTANIAN NEGERI PERAK (PINDAAN) 2011

Tarikh Perkenan Diraja ... ... ... 4 Mei 2011

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... ... 26 Mei 2011

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

# UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

## Enakmen A24

## ENAKMEN PERBADANAN PEMBANGUNAN PERTANIAN NEGERI PERAK (PINDAAN) 2011

BETA PERKENANKAN,

SULTAN AZLAN SHAH,
*Sultan Perak*

2011

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak 1973.

[ 27 MEI 2011 ]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Perak Darul Ridzuan seperti berikut:

**Tajuk ringkas**

**1.** Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Pindaan) 2011.

**Pindaan am**

**2.** Enakmen Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak 1973 [*Enakmen Bil. 2 tahun 1973*], yang disebut sebagai "Enakmen ibu" dalam Enakmen ini dalam versi Bahasa Kebangsaan, dipinda dengan menggantikan perkataan "seksyen kecil", "meteri", "konterek", "harta aleh", "harta tak aleh", "samada", "lansung" dan "ajensi" masing-masing dengan perkataan "subseksyen", "meterai", "kontrak", "harta alih", "harta tak alih", "sama ada", "langsung" dan "agensi" di mana-mana jua terdapat.

**Pindaan seksyen 2**

**3.** Seksyen 2 Enakmen ibu dipinda–

*(a)* dengan memasukkan selepas takrif "Ahli" takrif yang berikut:

'"Ketua Pegawai Eksekutif" ertinya Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan'; dan

*(b)* dengan memasukkan selepas takrif "Menteri Besar" takrif yang berikut:

'"pegawai" ertinya pegawai-pegawai Perbadanan dan termasuklah Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus.'.

**Pindaan seksyen 4**

**4.** Seksyen 4 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (4) dengan menggantikan perkataan "Ketua Eksekutif Perbadanan" dengan perkataan "Ketua Pegawai Eksekutif".

**Seksyen baru 10A**

**5.** Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 10 seksyen yang berikut:

"Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif

**10A.** (1) Maka hendaklah ada seorang Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik oleh Pengerusi.

(2) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah menjadi Setiausaha dan Pentadbir Perbadanan dan hendaklah bertanggungjawab bagi menjalankan dasar-dasar dan ketetapan-ketetapan Perbadanan.".

**Pindaan seksyen 11**

**6.** Seksyen 11 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (1)(*a*) dengan perenggan yang berikut:

"(*a*) melantik beberapa orang pegawai kerja yang akan menjadi Pengurus Perbadanan;".

**Pindaan seksyen 13**

**7.** Seksyen 13 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Ordinan Perlindungan Pihak Berkuasa Awam, 1948" dengan perkataan "Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*]".

**Penggantian seksyen 19**

**8.** Enakmen ibu dipinda dalam versi Bahasa Kebangsaan dengan menggantikan seksyen 19 dengan seksyen yang berikut:

"Akaun Bank **19.** (1) Semua wang yang dibayar kepada Perbadanan hendaklah serta-merta dibayar ke dalam akaun bank yang ditetapkan atau bank-bank yang diluluskan oleh Perbadanan.

(2) Semua arahan atau cek terhadap akaun tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang ahli atau seorang pegawai Perbadanan yang diberi kebenaran oleh Perbadanan.".

**Pindaan seksyen 25**

**9.** Seksyen 25 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Ordinan Setem, 1949" dengan perkataan "Akta Setem 1949 [*Akta 378*]".

Bertarikh 2 Mac 2011
[PU.PK. 41/2010]

DATO' AHMAD KAMAL BIN MD. SHAHID
*Penasihat Undang-Undang Negeri Perak Darul Ridzuan*

# LAWS OF THE STATE OF PERAK

## ENACTMENT A24

## PERAK AGRICULTURAL DEVELOPMENT CORPORATION (AMENDMENT) ENACTMENT 2011

Date of Royal Assent ... ... ... 4 May 2011

Date of publication in the *Gazette* ... ... 26 May 2011

Hakcipta Pencetak (H)
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

LAWS OF THE STATE OF PERAK

Enactment A24

# PERAK AGRICULTURAL DEVELOPMENT CORPORATION (AMENDMENT) ENACTMENT 2011

I ASSENT,

SULTAN AZLAN SHAH,
*Sultan of Perak*

2011

An Enactment to amend the Perak Agricultural Development Corporation Enactment 1973.

[ 27 MAY 2011 ]

ENACTED by the Legislature of the State of Perak Darul Ridzuan as follows:

**Short title**

**1.** This Enactment may be cited as the Perak Agricultural Development Corporation (Amendment) Enactment 2011.

**General amendment**

**2.** The Perak Agricultural Development Corporation Enactment 1973 [*Enactment No. 2 of 1973*], which is referred to as the "principal Enactment" in this Enactment in the National Language version, is amended by substituting the words "seksyen kecil", "meteri", "konterek", "harta aleh", harta tak aleh", "samada", "lansung" and "ajensi" with the words "subseksyen", "meterai", "kontrak", "harta alih", "harta tak alih", "sama ada", "langsung" and "agensi" wherever they appear respectively.

**Amendment of section 2**

**3.** Section 2 of the principal Enactment is amended–

*(a)* by inserting after the interpretation of "Chairman" the following interpretation:

'"Chief Executive Officer" means the Chief Executive Officer of the Corporation'; and

*(b)* by inserting after the interpretation of "Minister" the following interpretation:

'"officer" means the officers of the Corporation and includes the Chief Executive Officer and the Manager.'.

**Amendment of section 4**

**4.** Section 4 of the principal Enactment is amended in subsection (4) by substituting the words "the Chief Executive of the Corporation" with the words "the Chief Executive Officer".

**New section 10A**

**5.** The principal Enactment is amended by inserting after section 10 the following section:

"Appointment of the Chief Executive Officer

**10A.** (1) There shall be a Chief Executive Officer appointed by the Chairman.

(2) The Chief Executive Officer shall be the Secretary and the Administrator of the Corporation and shall be responsible for carrying out the policies and resolutions of the Corporation.".

**Amendment of section 11**

**6.** Section 11 of the principal Enactment is amended by substituting paragraph (1)(*a*) with the following paragraph:

"(*a*) appoint executive officers who shall be the Manager of the Corporation;".

### Amendment of section 13

**7.** Section 13 of the principal Enactment is amended by substituting the words "The Public Authorities Protection Ordinance, 1948" with the words "The Public Authorities Protection Act 1948 [*Act 198*]".

### Substitution of section 19

**8.** The principal Enactment in the National Language version is amended by substituting for section 19 the following section:

"Akaun Bank **19.** (1) Semua wang yang dibayar kepada Perbadanan hendaklah serta-merta dibayar ke dalam akaun bank yang ditetapkan atau bank-bank yang diluluskan oleh Perbadanan.

(2) Semua arahan atau cek terhadap akaun tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang ahli atau seorang pegawai Perbadanan yang diberi kebenaran oleh Perbadanan.".

### Amendment of section 25

**9.** Section 25 of the principal Enactment is amended by substituting the words "the Stamp Ordinance, 1949" with the words "the Stamp Act 1949 [*Act 378*]".

Dated 2 March 2011
[PU.PK. 41/2010]

DATO' AHMAD KAMAL BIN MD. SHAHID
*State Legal Adviser*
*Perak Darul Ridzuan*

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA